

# UPM bantu perkasa pendidikan komuniti suku Bateq



Sebahagian pelajar UPM yang menjadi sukarelawan dalam pelaksanaan Program Santuni Warisan @ Literasi Kelas Rimba Bateq (KRB) di Pahang.

(Foto ihsan UPM)

**Sedang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Kolej Sepuluh dan sokongan Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) baru-baru ini menyantuni masyarakat Orang Asli suku Bateq di Pahang, menerusi Program Santuni Warisan @ Literasi Kelas Rimba Bateq (KRB).

Program tiga hari itu bertujuan membantu memperkasa pendidikan asas anak-anak suku Bateq sebagai persediaan ke sekolah aliran perdana serta memperkenalkan pembelajaran dalam suasana budaya, aktiviti seni, dan rekreasi.

Pengarah program, Wan Nur Camelia Wan Mohd Rozaini, berkata program itu bukan sekadar berkongsi ilmu, tetapi juga memberi peluang kepada peserta untuk memahami budaya masyarakat Bateq dengan lebih dekat.

Katanya, program berkenaan juga dilihat sebagai langkah kecil ke arah perubahan yang lebih bermakna dalam menyokong pendidikan dan pembangunan komuniti itu, sekali gus mengukuhkan usaha ke arah pendidikan yang lebih inklusif.

“Kami saling berkongsi ilmu, kami turut belajar daripada mereka. Pengalaman ini membuktikan bahawa pendidikan dan hubungan antara komuniti boleh terjalin melalui keikhlasan serta rasa hormat,” katanya.

Sepanjang program itu pelbagai aktiviti dijalankan bagi memberi peluang kepada peserta untuk merasai sendiri kehidupan masyarakat suku Bateq, termasuk berenung, bermain rakit buluh, dan meneroka sungai.

Selain aktiviti luar, program itu

turut menekankan aspek pendidikan bagi membantu anak-anak suku Bateq menguasai kemahiran asas pembelajaran.

Pelajar tahun tiga Bacelor Kejuruteraan Proses dan Makanan, Nur Hidayah Abdul Halim, berkata penyertaannya dalam program berkenaan memberi motivasi tersendiri.

Apatah lagi katanya, melihat anak-anak suku kaum Bateq kelebihan sangat berminat dengan pendidikan malah ramai yang mampu membaca, menulis, dan mengira.

“Malah ada juga dalam kalaangan anak-anak ini mampu bertutur dalam bahasa Inggeris.

“Anak-anak ini perlu didekati dengan pendekatan kreatif bagi memastikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan,” katanya.